

Taubat perlu kesungguhan, hadapi ujian sekeliling



Apabila memohon taubat daripada Allah SWT, pada dasarnya kita tidak memaksa Tuhan supaya menerima taubat itu, sebaliknya memohon simpati, belas kasihan dan rahmat-Nya supaya diberi keampunan. Bagi melihat sama ada taubat dipohon itu diterima, kita boleh meneliti daripada tindakan serta perbuatan selepas bertaubat.

Muhamad Faisal Ashaari, Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, UKM

arah melakukan kejahatan itu tidak dianggap sebagai tanggapan biasa.

"Teruskan melakukan amal kebajikan dan meningkatkan amalan. Meskipun tidak tahu sama ada taubat itu diterima Allah SWT, apa yang pentingnya sebagai hamba adalah mengakui kesalahan dan cuba berubah ke arah lebih baik," katanya.

Muslim perlu rasa bersalah terhadap dosa yang dilakukan

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

Manusia mana yang tidak berdosa, justeru sebaik-baik orang berdosa tentunya insan yang bertaubat.

Ini kerana manusia sebagai hamba Allah SWT yang kerdil, percakapan dan perbuatannya pasti tidak terlepas daripada sebarang dosa.

Beruntunglah bagi Muslim yang berasa kesal dan dihantui perasaan bersalah kerana itu tandanya manusia menyedari hakikat diri yang berdosa tetapi ingin berubah dengan tekad tidak mengulangi kesilapan lalu.

Bagaimanapun, masih ramai yang sering terkandas dalam perjalanan untuk bertaubat apabila perasaan takut yang menguasai diri disebabkan dosa yang dilakukan, hanya hadir seketika saja.

Nipisnya iman hingga timbul bisikan syaitan, hidup hanya sekali atau usia masih muda justeru apalah salahnya menanggung taubat demi menikmati hidup yang hanya sekali.

Akhirnya, perasaan bersalah terhadap dosa dilakukan hilang dan akhirnya kesilapan sama diulang-ulang tanpa bertaubat sedangkan Rasulullah SAW sendiri bersabda: "Setiap anak Adam pasti sering melakukan dosa dan kesalahan, manakala

sebaik-baik orang berdosa ialah orang bertaubat." (HR Tirmizi dan Ibnu Majah)

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Muhamad Faisal Ashaari, berkata secara asasnya bertaubat bermaksud kembali ke pangkal jalan selepas tersesat dan terlanjur melakukan dosa.

Muhamad Faisal berkata, perbuatan taubat boleh dibahagikan kepada dua, iaitu bertaubat di atas kesalahan dosa kecil dan besar.

Dosa kecil ialah kesalahan yang tidak dinyatakan ancaman berat di dunia dan di akhirat, manakala dosa besar pula akan mendapat hukuman berat di dunia termasuk hukum hudud dan mendapat ancaman azab pedih di akhirat serta laknat daripada Allah SWT.

"Allah SWT mengampunkan dosa kecil dengan pelbagai cara seperti melakukan istighfar, mengambil wuduk dan berjalan ke masjid tetapi ia tidak cukup dalam konteks bertaubat daripada dosa besar.

"Ia memerlukan kesungguhan dan keazaman kuat meninggalkan kesalahan itu serta tidak mengulanginya, iaitu apa yang dinamakan taubat nasuha," katanya.

Muhammad Faisal berkongsi kisah taubat nasuha sahabat Rasulullah SAW, Ka'ab Ibnu Malik yang terkenal dan memiliki bakat pidato, debat serta mampu menuturkan syair indah secara spontan pada zaman Baginda.

Ketika umat Islam diperintahkan Rasulullah SAW untuk keluar berperang, Ka'ab yang sebelum itu tidak pernah terle-

pas daripada mana-mana siri peperangan bersama Baginda, berlengah-lengah hingga beliau dan dua lagi rakananya terlepas daripada Perang Tabuk.

Disebabkan kekesalan dan tidak mahu dianggap sebahagian golongan munafik yang enggan bersama berjihad bersama Rasulullah SAW dalam perang Tabuk, Ka'ab dan dua lagi rakananya, mengikat kaki dan tangan mereka di tiang Masjid Nabi dan meminta supaya ikatan itu tidak dibuka melainkan Baginda sendiri.

"Apa dilakukan Ka'ab dan sahabatnya adalah disebabkan ingin menunjukkan rasa sesal bersungguh-sungguh kerana tidak menyertai Perang Tabuk.

"Rasulullah SAW tidak mempedulikan langsung Ka'ab dan sahabatnya kecuali selepas Allah SWT menurunkan ayat al-Quran sebagai penerimaan taubat ketiga-tiga sahabat itu serta membuka ikatan terbabit," katanya.

Firman Allah SWT: *"Dan (Allah menerima pula taubat) tiga orang ditanggihkan (penerimaan taubat) hingga apabila bumi luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana dipulaukan) dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung dukacita) serta mereka yakin tidak ada tempat untuk lari daripada (kemurkaan) Allah melainkan (kembali bertaubat) kepada-Nya; kemudian Allah (memberi taufiq serta) menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani."* (Al-Taubah: 118)

Muhamad Faisal berkata, kesungguhan Ka'ab dalam memo-

hon taubat daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW itu wajar dijadikan panduan umat Islam hari ini.

"Apabila memohon taubat daripada Allah SWT, pada dasarnya kita tidak memaksa Tuhan supaya menerima taubat itu, sebaliknya memohon simpati, belas kasihan dan rahmat-Nya supaya diberi keampunan.

"Bagi melihat sama ada taubat dipohon itu diterima, kita boleh meneliti daripada tindakan serta perbuatan selepas bertaubat.

"Paling penting, seseorang yang diterima taubatnya itu, akan hilang dalam dirinya perasaan hasad dengki kerana ia penyakit paling teruk pada manusia tanpa mengira sesiapa pun dan ia boleh menyebabkan timbulnya dosa lain pula," katanya.

Menurut Muhamad Faisal, orang dalam proses untuk bertaubat tidak ketinggalan berdepan dengan cabaran menggoyang keazaman untuk tidak lagi mengulangi kesilapan sama seperti firman Allah SWT: *"Orang yang bertaubat ialah mereka yang akan beroleh kejayaan."* (An-Nur: 31)

Fasa berubah ke arah kebajikan itu, kata Muhamad Faisal, bermakna perlu berdepan cabaran termasuk faktor sekeliling yang memperlekehkan perkara baik diusahakan dengan kata-kata seperti jangan tunjuk baik.

Tidak hanya cabaran luaran, beliau berkata, kita juga mungkin berperang dengan diri sendiri termasuk keinginan kembali terjerumus dalam dosa.

"Jika kembali berbuat dosa, segeralah kembali bertaubat sebab itu penting mencari suasana baharu supaya dorongan ke